

**DOKUMENTASI GAYA PEMBELAJARAN ALAT MUZIK DRAM SEORANG  
PEMUDA ASLI KAUM TEMIAR DI PEDALAMAN SEMENANJUNG  
MALAYSIA : SATU KAJIAN KES**

**BALYA BIN AZIZ @ ISMAIL**

**LAPORAN KAJIAN DIKEMUKAKAN BAGI  
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
(MOD KERJA KURSUS)**

**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2016**

## ABSTRAK

Kajian ini dibuat bertujuan untuk mendokumentasikan gaya pembelajaran alat muzik dram yang melibatkan seorang pemuda masyarakat orang asli kaum Temiar di kawasan pedalaman Semenanjung Malaysia iaitu di Negeri Perak. Pemuda ini bermama Hafizal bin Anjang yang berumur 34 tahun. Subjek yang dikaji mempunyai gaya pembelajaran dan cara bermain dram yang tersendiri walaupun kurang pendedahan dan pengalaman berbanding dengan orang bandar yang mendapat pendidikan secara formal dalam mempelajari muzik. Melalui kajian yang bersifat kualitatif didapati subjek hanya belajar bermain dram melalui pendengaran, pemerhatian, peniruan dan juga pengaruh persekitaran. Subjek yang dikaji tinggal di Kampung Teras, Pos Piah yang terletak di Banjaran Titiwangsa. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk Modul Temuduga Berstruktur. Kajian ini juga lebih menjurus kepada kajian kes yang tertumpu kepada seorang individu. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji gaya pembelajaran seorang pemuda masyarakat orang asli kaum Temiar yang bermain alat muzik iaitu dram. Dokumentasi hasil daripada kajian yang telah dijalankan ini boleh digunakan sebagai contoh atau rujukan oleh penyelidik-penyalidik yang lain untuk mengkaji budaya masyarakat orang asli khasnya dalam bidang pembelajaran muzik kemahiran permainan alat sebelum ianya ditelan oleh arus pemodenan zaman. Kesimpulannya, diakhir kajian ini mendapati bahawa pembelajaran muzik tidak hanya terhad kepada pembelajaran secara formal seperti di bandar yang mempunyai kemudahan lengkap malahan fleksibel kepada semua orang tidak kira agama, bangsa dan negara.



## ABSTRACT

*This research was conducted for the documentation of learning style in drum instrument involving a young indigenous man from Temiar community who lives in rural Peninsular Malaysia which is in Perak. The respondent's name is Hafizal bin Anjang who aged 34 years old. The respondent has his own unique ways of learning to play drum although the respondent has less exposure and experiences compared to those who live in urban areas that acquire formal educational music. Through qualitative research, the respondent only learns to play drum via hearing, observation, external, imitation and also external influences. The respondent lives at Kampung Teras, Pos Piah which is located at Banjaran Titiwangsa. The method used in this research is in the form of Structured Interview Module. This research is also focusing on individual case. The objective of the research is to study the learning style of an indigenous man from Temiar community who plays drum using his own method. The outcomes of the documentation from the research conducted can be used as a sample or reference for other researchers to study the culture of indigenous people especially in music educational field of instrumental skills before it becomes outdated. As a conclusion, this research has proven that learning music is not only limited to formal education especially for urban people who have complete facilities but also flexible to all people regardless of religion, races and country.*

## Muka Surat

<b>PENGAKUAN .....</b>	ii
<b>PENGHARGAAN .....</b>	iii
<b>ABSTRAK .....</b>	iv
<b>ABSTRACT .....</b>	v
<b>SENARAI RAJAH .....</b>	xi
<b>SENARAI GAMBAR .....</b>	ix
<b>SENARAI LAMPIRAN.....</b>	x
<b>KANDUNGAN.....</b>	xi

<b>1.1 Pendahuluan.....</b>	1
1.1.1 Model Gaya Pembelajaran (VAK), Barbe (1987) .....	2
1.1.2 Gaya Pembelajaran Berdasarkan Dari Aspek Visual.....	2
1.1.3 Gaya Pembelajaran Berdasarkan Dari Aspek Auditori.....	3
1.1.4 Gaya Pembelajaran Berdasarkan Dari Aspek Kinestetik.....	3
<b>1.2 Latar Belakang Masalah .....</b>	5
<b>1.3 Masalah Kajian .....</b>	5
<b>1.4 Tujuan Kajian.....</b>	6
<b>1.5 Objektif Kajian.....</b>	6

<b>1.6 Rasional Kajian .....</b>	<b>7</b>
----------------------------------	----------



<b>1.7 Persoalan Kajian.....</b>	<b>7</b>
----------------------------------	----------

<b>1.8 Batasan Kajian .....</b>	<b>8</b>
---------------------------------	----------

<b>1.9 Kesignifikan Kajian.....</b>	<b>8</b>
-------------------------------------	----------

<b>1.10 Kesimpulan .....</b>	<b>8</b>
------------------------------	----------

## BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

<b>2.1 Pendahuluan .....</b>	<b>9</b>
------------------------------	----------

<b>2.2 Pengenalan.....</b>	<b>10</b>
----------------------------	-----------

<b>2.3 Gaya Pembelajaran .....</b>	<b>10-13</b>
------------------------------------	--------------

<b>2.4 Budaya Pemikiran dan Pembelajaran Orang Asli .....</b>	<b>13-14</b>
---	--------------

<b>2.5 Alat Muzik Dram .....</b>	<b>14-15</b>
----------------------------------	--------------

## BAB 3 METODOLOGI KAJIAN



<b>3.1 Pendahuluan .....</b>	<b>16</b>
------------------------------	-----------

<b>3.2 Prosedur Kajian .....</b>	<b>17-19</b>
----------------------------------	--------------

<b>3.3 Gambar Rajah Prosedur Kajian .....</b>	<b>19</b>
---	-----------

## BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

<b>4.1 Pendahuluan .....</b>	<b>20-21</b>
------------------------------	--------------

<b>4.2 Dapatan Temubual .....</b>	<b>21-24</b>
-----------------------------------	--------------

<b>4.3 Rumusan.....</b>	<b>25</b>
-------------------------	-----------

## BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN

<b>5.1 Pendahuluan .....</b>	<b>26</b>
------------------------------	-----------



<b>5.2 Rumusan.....</b>	<b>27</b>
<b>5.3 Cadangan.....</b>	<b>27-28</b>
<b>RUJUKAN .....</b>	<b>30-31</b>
<b>LAMPIRAN .....</b>	<b>31-58</b>

## SENARAI RAJAH

 05-4506832

 pustaka.upsi.edu.my

 Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

 PustakaTBainun

 ptbupsi

No.	Rajah	Muka Surat
1.	<b>Rajah 3.3.1 Gambarajah Prosedur Kajian</b>	<b>19</b>
2.	<b>Rajah 4.1.1 Peta Pembelajaran Subjek Kajian</b>	<b>22</b>

 05-4506832

 pustaka.upsi.edu.my

 Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

 PustakaTBainun

 ptbupsi

 05-4506832

 pustaka.upsi.edu.my

 Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

 PustakaTBainun

 ptbupsi

## SENARAI GAMBAR

 05-4506832

 pustaka.upsi.edu.my

 Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

 PustakaTBainun

 ptbupsi

No.	Gambar	Muka Surat
1.	<b>Gambar 2.5.1 Set Dram</b>	<b>15</b>
2.	<b>Gambar 4.1.2 Improvisasi Dram Dan Pemukul</b>	<b>23</b>
3.	<b>Gambar 4.1.3 Improvisasi Dram</b>	<b>24</b>

 05-4506832

 pustaka.upsi.edu.my

 Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

 PustakaTBainun

 ptbupsi

 05-4506832

 pustaka.upsi.edu.my

 Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

 PustakaTBainun

 ptbupsi

## SENARAI LAMPIRAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

No.	Lampiran	Muka Surat
1.	<b>Lampiran 1 Protokol Temubual</b>	<b>31-45</b>
2.	<b>Lampiran 2 Analisis Dan Rumusan Temubual</b>	<b>46-56</b>
3.	<b>Lampiran 3.1 Tempat Tinggal Subjek Kajian</b>	<b>57</b>
4.	<b>Lampiran 3.2 Anggota Band Kampung Subjek</b>	<b>57</b>
5.	<b>Lampiran 3.3 Jalan Ke Kampung Subjek</b>	<b>58</b>
6.	<b>Lampiran 3.4 Persekutaran Kampung Subjek</b>	<b>58</b>



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Gaya pembelajaran muzik seseorang individu boleh mempengaruhi cara perolehan ilmu seseorang. Pembelajaran bermaksud perubahan tingkah laku, atau kebolehan seseorang yang dapat dikekalkan, tidak termasuk perubahan yang disebabkan oleh proses pertumbuhan. Menurut Shahabuddin dan Rohizani (2004), gaya pembelajaran pula merujuk pada seseorang itu belajar atau menyimpan maklumat. Gaya belajar yang diamalkan oleh seseorang individu adalah untuk memproses maklumat dan menyelesaikan masalah yang timbul (Entwistle, 1981). Menurut Gregorc (1982) yang dipetik oleh Cynthia (1996), menyatakan bahawa setiap individu mempunyai gaya

pembelajaran tersendiri. Beliau mencipta suatu model yang menekankan tentang cara kita berfikir dan memahami sesuatu informasi. Daripada apa yang dinyatakan seperti petikan-petikan di atas bahawasanya setiap individu mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza dan memiliki kemampuan dalam mempelajari sesuatu melalui keupayaan serta kekuatan diri sendiri.

Ada beberapa contoh gaya pemebelajaran yang dipetik daripada buku yang dibaca semasa kajian dijalankan seperti yang dinyatakan di bawah ini iaitu :

### **1.1.1 Model Gaya Pembelajaran (VAK), Barbe (1987)**

Peneliti gaya belajar, Barbe dan (1987) yang dipetik Oleh Cyntia (1996) menghadirkan tiga mod persepsi indera (cara mengingat) yang digunakan untuk mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar. Ini disebut sebagai modalitas. Modalitas yang paling mudah dikenal pasti iaitu visual, auditori dan kinestetik (VAK). Model ini digunakan sebagai model kajian.

### **1.1.2 Gaya Pembelajaran Berdasarkan Dari Aspek Visual**

Pelajar belajar dengan melihat dan mengamati, menggunakan asosiasi visual yang kuat. Jika cara belajar visual sangat kuat, pelajar mungkin seringkali mencuba mengambarkan dalam pemikirannya apa yang sedang

dipelajarinya. Secara umumnya, pelajar visual terbahagi kepada dua jenis iaitu visual-verbal dan visualbukan verbal.

### **1.1.3 Gaya Pembelajaran Berdasarkan Dari Aspek Auditori**

Pelajar belajar dengan mendengarkan kepada intruksi verbal; mengingat dengan membentuk suara-suara dari kata-kata. Jika mempunyai cara belajar auditori, tidak bererti bahawa pelajar itu hanya perlu mendengar maklumat sekali sahaja untuk mengingatnya. Maka dalam sesuatu situasi, pelajar auditori perlu mendengar untuk dirinya sendiri mengatakannya supaya secara efektif dapat memasukkan maklumat yang ingin diingati ke dalam ingatannya.

### **1.1.4 Gaya Pembelajaran Berdasarkan Dari Aspek Kinestetik**

Pelajar belajar dengan terlibat secara fizikal dan mengerjakan sesuatu dengan apa yang sedang dipelajari. Pelajar kinestetik belajar dengan lebih baik melalui pengalaman dan mengambil bahagian secara fizikal dalam aktiviti bilik darjah.

Bagi menjayakan kajian ini di dalam Bab 1 saya telah membincangkan dan menghuraikan tentang beberapa perkara-perkara utama dalam kajian ini iaitu seperti latar belakang masalah kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian.

Di dalam bab ini juga merupakan langkah pertama dalam memulakan kajian saya serta menulis kajian ini secara ilmiah dan menepati standard yang telah ditetapkan. Saya telah menyediakan laporan projek kertas kajian saya ini dengan disertakan dokumen-dokumen kajian ini seperti soalan temubual berstruktur untuk memperolehi maklumat daripada pemuda orang asli kaum Temiar tersebut.

Tajuk-tajuk kecil seterusnya di dalam bab ini ialah latar belakang kajian, masalah kajian, objekti kajian rasional kajian, persoalan kajian, batasan kajian, kesignifikan kajian dan akhir sekali kesimpulan.

## 1.2 Latar Belakang

Kajian ini berkisar tentang kisah bagaimana gaya pembelajaran muzik seorang pemuda orang asli kaum Temiar yang pandai bermain alat muzik dram sedangkan beliau berada nun jauh di pedalaman Semenanjung Malaysia iaitu di tengah-tengah Hutan Hujan Khatulistiwa di antara Banjaran Titiwangsa yang mempunyai bukit-bukau dan gunung-ganang . Walaupun di rumah beliau tiada kemudahan asas seperti yang kita ada sekarang iaitu bekalan elektrik sepanjang masa dan tetap serta bekalan air bersih yang berpanjangan.

Di perkampungan yang pemuda ini tinggal sememangnya tiada kemudahan asas seperti yang saya nyatakan tadi. Beliau hanya bekerja sebagai pencari hasil hutan seperti akar-akar kayu Tongkat Ali, Kacip Fatimah dan bahan-bahan lain tetapi beliau mampu menjadi seorang pemain dram yang hebat untuk kumpulan rock orang asli seketika waktu dahulu iaitu kumpulan “Jelmol” dengan begitu baik sekali serta menjadi pemuzik



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

jemputan bagi persembahan-persembahan majlis-majlis tertentu terutamanya majlis yang berkaitan dengan orang asli.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

### 1.3 Masalah Kajian

Di dalam kajian tindakan, maksud masalah kajian merujuk kepada satu perkara yang ingin dicari jalan penyelesaiannya. Masalah ini merupakan sesuatu yang didapati tidak memuaskan, belum sempurna, terdapat kesukaran, sesuatu yang perlu diubah, sesuatu yang berjalan tidak seperti yang diharapkan.

Masalah Kajian saya ini seperti yang diketahui iaitu pembelajaran permainan alat muzik adalah kemahiran yang perlu diasah serta dilatih secara intensif. Permainan alat juga perlu menggunakan alat untuk mendapatkan kemahiran yang ingin dipelajari contohnya seperti gitar, kibod, piano, dram, clarinet, tamborin, dram, rekoder, kastanet dan lain-lain.

Pembelajaran alat-alat muzik ada teknik-tekniknya serta kemahiran-kemahiran yang perlu dipatuhi oleh seseorang yang ingin mempelajarinya. Di kawasan perkampungan orang asli Pos Piah yang terletaknya dalam daerah Kuala Kangsar terdapat seorang pemuda Temiar yang boleh bermain dram dengan baik walaupun beliau berada dalam persekitaran yang serba kekurangan dari segi kemudahan asas yang terhad tetapi beliau mampu bermain dram dengan baik. Kajian ini dibuat untuk mengetahui bagaimana pemuda tersebut boleh menguasai kemahiran bermain dram tanpa peralatan dan pendidikan secara formal melalui kaedah temubual responden kajian.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## 1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mendokumentasikan gaya pembelajaran alat muzik dram seorang pemuda masyarakat orang asli kaum Temiar yang tinggal di kawasan pedalaman Semenanjung Malaysia. Kawasan ini juga dikenali dengan nama Banjaran Titiwangsa.

## 1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian merupakan sesuatu perkara yang amat penting dalam sesebuah kajian. Dalam hal ini objektiflah yang menentukan hala tuju semasa kajian dijalankan. Kajian tanpa objektif adalah kajian yang tanpa arah kerana tidak mempunyai matlamat serta tujuan sesuatu kajian itu dijalankan.

Di dalam sub-topik ini, iaitu objektif kajian yang telah dibincangkan atau dinyatakan<sup>6</sup> apa yang hendak dicapai setelah selesai kajian ini dijalankan<sup>7</sup> ataupun persoalan-persoalan akan terjawab. Justeru itu, objektif bagi kajian saya ini adalah seperti berikut :-

- a) Mengenal pasti bagaimana gaya pembelajaran seorang pemuda orang asli kaum Temiar menguasai kemahiran bermain dram dengan baik.
- b) Membandingkan teknik-teknik yang digunakan oleh seorang pemuda orang asli kaum Temiar dengan teknik-teknik yang yang diguna pakai oleh orang lain yang berada diluar.

## 1.6 Rasional Kajian



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Pembelajaran kemahiran bermain alat muzik seperti yang diketahui memerlukan alatan untuk belajar kemahiran-kemahiran permainan alat tersebut. Oleh yang sedemikian, melalui kajian saya ini masyarakat luar berpeluang mengetahui atau mempelajari kaedah-kaedah atau teknik-teknik yang digunakan oleh pemuda orang asli kaum Temiar ini dalam menguasai kemahiran bermain alat muzik dram dengan tiadanya alat muzik dram yang sebenar.

Seterusnya, berkemungkinan dapatan atau hasil daripada kajian yang telah dijalankan ini dapat memberikan kepelbagaiannya kaedah dan teknik pembelajaran kemahiran permainan alat muzik terutamanya alat muzik dram ataupun dapat menambahkan lagi kaedah-kaedah serta teknik-teknik yang tersedia ada seperti yang tercatat di dalam buku-buku pembelajaran kemahiran permainan alat-alat muzik yang moden.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## 1.7 Persoalan Kajian

Gaya Pembelajaran setiap individu adalah berbeza diantara individu dengan individu yang lain. Iaitu mengikut kemampuan dan keupayaan masing-masing dalam menguasai sesuatu kemahiran atau menyerap sesuatu ilmu yang hendak disampaikan. Gaya pembelajaran setiap individu juga boleh dipengaruhi oleh persekitaran pembelajaran individu tersebut. Jadi kajian saya ini telah menjawab persoalan kajian seperti berikut:

- Bagaimakah gaya pembelajaran seorang pemuda orang asli kaum Temiar yang tinggal di kawasan pedalaman belajar bermain dram?



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

- b) Apakah persamaan dan perbezaan teknik-teknik yang digunakan oleh pemuda orang asli berbanding dengan pemuda yang berada diluar?

### 1.8 Batasan Kajian

Kajian ini hanya boleh dijalankan ke atas seorang pemuda orang asli kaum Temiar yang tinggal di kawasan pedalaman Semenanjung Malaysia iaitu Kampung Pos Piah. Oleh yang demikian, kajian ini tidak boleh digeneralisasikan atau digunapakai di kawasan-kawasan lain yang persekitarannya berbeza daripada kajian yang telah jalankan ini.

### 1.9 Kesignifikan Kajian

Dokumentasi dapatan atau hasil daripada kajian yang telah dijalankan ini boleh digunakan sebagai contoh atau rujukan oleh penyelidik-penyelidik yang lain dalam mengkaji budaya-budaya masyarakat orang asli di Malaysia khasnya dalam bidang pembelajaran kemahiran permainan alat muzik sebelum ianya ditelan oleh arus pemodenan zaman.

### 1.10 Kesimpulan

Bab ini membincang dan memperjelaskan berkaitan dengan latar belakang masalah, permasalahan, objektif, tujuan, persoalan, rasional, kepentingan, batasan dan kesignifikan kajian. Fokus utama bagi kajian ini adalah mendokumentasikan gaya atau proses pembelajaran alat muzik dram seorang pemuda orang asli kaum Temiar tersebut.

## BAB 2

### TINJAUAN LITERATUR

#### 2.1 Pendahuluan

Bab 2 ini memperkatakan dan mengupas persoalan tentang perkara-perkara berkenaan dengan muzik atau gaya pembelajaran dan konsep-konsep dan teori-teori dalam proses pembelajaran secara umum serta kajian-kajian yang pernah dijalankan sebelum ini yang berkaitan dengan pembelajaran kemahiran alat-alat muzik khasnya alat muzik dram yang menjadi panduan dalam meneruskan dan menyiapkan kajian ini.

## 2.2 Pengenalan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Gaya pembelajaran merupakan pendekatan atau cara bagaimana seseorang itu belajar dalam meperolehi pengetahuan. Menurut (Dr Ragbir Kaur Joginder Singh, 2012). Pembelajaran pula merupakan kebolehan seseorang mengambil maklumat, mengekod dan mengfailkan maklumat tersebut supaya ia menjadi mudah untuk digunakan apabila digunakan. Selain daripada itu, gaya pembelajaran juga merupakan cara seseorang individu bertindak balas terhadap dunia sekitarnya dan menggunakan gaya pembelajarannya berinteraksi dengan persekitarannya.

Pembelajaran tidak hanya berkaitan dengan penambahan pengetahuan dan mengingat semula maklumat yang dipelajari tetapi merupakan aktiviti menguasai konsep dan memahami maklumat pengetahuan dan seterusnya dapat mengaplikasinya ke dalam kehidupan (Hargreaves, 1996). Pembelajaran melibatkan usaha menguasai kemahiran dan pengetahuan di samping membentuk sikap individu.

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Kajian dalam bidang psikologi dan pendidikan menunjukkan individu mempunyai kemahiran yang berbeza memproses maklumat. Kaedah tersendiri individu mencari, menyimpan dan mengeluarkan semula maklumat dikenali sebagai gaya pembelajaran (Felder dan Henriques, 1995). Oleh itu untuk berjaya, individu pelajar perlu memiliki sifat belajar dan menguasai kaedah belajar untuk mendapatkan pengetahuan dan kemahiran.

## 2.3 Gaya Pembelajaran

Setiap individu mempunyai strategi belajar yang berbeza dan kadar pembelajaran adalah tidak sama dengan individu yang lain, walaupun umur mereka adalah sama. Mengikut



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Dictionary of Psychology (1973) dalam Santhi Suppiah (2000), perbezaan individu diuraikan sebagai variasi atau ketidaksamaan individu daripada norma kumpulan, sama ada sifat-sifat kognitif, emosi, fizikal, moral, tingkah laku sosial, bakat dan lain-lain aspek yang mungkin terdapat di kalangan individu dalam suatu kumpulan.

Gaya pembelajaran muzik seseorang individu boleh mempengaruhi cara perolehan ilmu seseorang. Pembelajaran bermaksud perubahan tingkah laku, atau kebolehan seseorang yang dapat dikekalkan, tidak termasuk perubahan yang disebabkan oleh proses pertumbuhan. Menurut Shahabuddin dan Rohizani (2004), gaya pembelajaran pula merujuk pada seseorang itu belajar atau menyimpan maklumat.

Gaya belajar yang diamalkan oleh seseorang individu adalah untuk memproses maklumat dan menyelesaikan masalah yang timbul (Entwistle, 1981). Menurut Gregorc (1982) yang dipetik oleh Cynthia (1996), menyatakan bahawa setiap individu mempunyai gaya pembelajaran tersendiri. Beliau mencipta suatu model yang menekankan tentang cara kita berfikir dan memahami sesuatu informasi.

Daripada apa yang dinyatakan seperti petikan-petikan di atas bahawasanya setiap individu mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza dan memiliki kemampuan dalam mempelajari sesuatu melalui keupayaan serta kekuatan diri sendiri. Peneliti gaya belajar, Barbe dan (1987) yang dipetik Oleh Cyntia (1996) menghadirkan tiga mod persepsi indera (cara mengingat) yang digunakan untuk mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar. Ini disebut sebagai modalitas. Modalitas yang paling mudah dikenal pasti ialah visual, auditori dan kinestetik (VAK). Model ini digunakan sebagai model kajian.

Pelajar belajar dengan melihat dan mengamati, menggunakan asosiasi visual yang kuat. Jika cara belajar visual sangat kuat, pelajar mungkin sering kali mencuba

mengambarkan dalam pemikirannya apa yang sedang dipelajarinya. Secara umumnya, pelajar visual terbahagi kepada dua jenis iaitu visual-verbal dan visualbukan verbal.

Gaya pembelajaran berdasarkan dari aspek auditori iaitu pelajar belajar dengan mendengarkan kepada intruksi verbal; mengingat dengan membentuk suara-suara dari kata-kata. Jika mempunyai cara belajar auditori, tidak bererti bahawa pelajar itu hanya perlu mendengar maklumat sekali sahaja untuk mengingatnya. Maka dalam sesuatu situasi, pelajar auditori perlu mendengar untuk dirinya sendiri mengatakannya supaya secara efektif dapat memasukkan maklumat yang ingin diingati ke dalam ingatannya.

Gaya pembelajaran berdasarkan dari aspek kinestetik iaitu pelajar belajar dengan terlibat secara fizikal dan mengerjakan sesuatu dengan apa yang sedang dipelajari. Pelajar kinestetik belajar dengan lebih baik melalui pengalaman dan mengambil bahagian secara fizikal dalam aktiviti bilik darjah.

Bagi menjayakan kajian ini di dalam Bab 1 saya telah membincangkan dan menghuraikan tentang beberapa perkara-perkara utama dalam kajian ini iaitu seperti latar belakang masalah kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, tujuan kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan kesignifikan kajian.

Di dalam bab ini juga merupakan langkah pertama dalam memulakan kajian saya serta menulis kajian ini secara ilmiah dan menepati standard yang telah ditetapkan. Saya telah menyediakan laporan projek kertas kajian saya ini dengan disertakan dokumen-dokumen kajian ini seperti soalan temubual berstruktur untuk memperolehi maklumat daripada pemuda orang asli kaum Temiar tersebut. Tajuk-tajuk kecil seterusnya di dalam bab ini ialah latar belakang kajian, masalah kajian, objektif kajian rasional kajian, persoalan kajian, batasan kajian, kesignifikan kajian dan akhir sekali kesimpulan.

Menurut Kukandle (1992) membuat kajian tentang teori budaya keatas kesan pemilihan pembelajaran terhadap individu dan kumpulan. Hilliard (1989) mencadangkan kumpulan manusia berkongsi teknik untuk membuat sesuatu pekerjaan. Budaya inilah yang memberi sesuatu etnik itu kuasa dan bermakna. Dia mengatakan ciri-ciri budaya ini tidak nampak dan mereka tidak sedar kewujudannya. Budayanya unik sehingga ia masuk kedalam budaya lain.

#### **2.4 Budaya Pemikiran Dan Pembelajaran Pelajar Orang Asli**

Dalam kajian yang telah dijalankan oleh Siti Hayati binti Mohd Yussof (2009) yang bertajuk “Budaya Pemikiran Pelajar Orang Asli” telah menyatakan bahawa gaya pembelajaran mereka berbeza dengan pelajar yang berada di bandar. Contoh dari segi kognitif iaitu mereka sedikit lambat untuk menguasai kemahiran setiap pelajaran yang diajar. Dari segi afektif pula mereka agak malu untuk ke depan dalam menyatakan pendapat atau menjawab soalan-soalan yang ditanya. Dengan itu kita perlu menggunakan kaedah-kaedah yang lain selain daripada kaedah yang sedia ada yang digunakan untuk pelajar-pelajar di bandar.

Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Mohd Zamri bin Abdullah (2011) dalam kajiannya yang bertajuk “Gaya Pembelajaran Murid Peribumi Dan Persepsi Guru : Satu Perbandingan”. Beliau menyatakan bahawa Gaya belajar kinestatik dikalangan murid menunjukkan sumbangan yang tinggi terhadap pencapaian akademik. Ini disebabkan gaya ini merupakan gaya yang paling popular digunakan oleh guru semasa P&P. Dapatannya juga menunjukan bahawa pengalaman mengajar guru memberi kesan kepada persepsi guru terhadap gaya belajar murid. Guru yang lebih lama mengajar menunjukkan



kecenderungan untuk lebih mengenali gaya belajar murid yang betul iaitu visual berbanding guru baru yang dominan kepada gaya belajar kinestatik.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## 2.5 Alat Muzik Dram

Alat muzik dram merupakan alat muzik yang memerlukan kemahiran dan teknik yang tinggi dari segi psikomotor. Psikomotor iaitu bermaksud pergerakan setiap anggota badan mengikut fungsi-fungsi yang berbeza. Alat muzik dram yang asas terdiri daripada snare, bass dram, hit-hat, tom-tom, floor tom dan simbal.

Penggunaan anggota badan mengikut bahagian dram masing-masing. Contohnya bagi mereka yang menggunakan tangan kanan untuk memukul hit-hat ialah tangan kiri memukul snare, kaki kanan memijak padel untuk memukul bass dram dan tom-tom boleh menggunakan kedua-dua tangan. Manakala simbal menggunakan tangan kiri untuk simbal sebelah kiri dan simbal sebelah kanan dengan menggunakan tangan kanan.

Alat muzik dram merupakan alat muzik yang penting dalam membunyikan rentak sesebuah lagu contohnya lagu yang berentak Masri. Gabungan alat muzik dram dan bass amat penting dalam membentuk rentak sesebuah lagu. Justeru itu, alat muzik dram memerlukan kemahiran dan daya usaha pembelajaran yang tinggi bagi merealisasikan permainan alat muzik dram tersebut.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Gambar 2.5.1 : Set Dram ( Balya bin Aziz@Ismail,2016)